



Implementation of Mixed Care Practices in Child Welfare Services Networks in Public State Social Institutions

Pelaksanaan Amalan Penjagaan Campuran dalam Jaringan Perkhidmatan Kebajikan Kanak-kanak di Institusi Sosial Awam Negara

Siti Hajar Abdul Rauf^{1*}, Siti Hajar Abu Bakar Ah², Haris Abd Wahab²

¹Pusat Pengajian Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Terengganu, 21300, MALAYSIA

²Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 50603, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2020.12.01.007>

Received 30 March 2020; Accepted 07 June 2020; Available online 16 August 2020

Abstract: This article discuss about an effort to map out local child welfare network, in particular, the public institutional social care. The objective of the study is to explore the child welfare network practices implementation. The study which is qualitative in its approach utilised Grounded Theory to gather the data. A series of face-to-face and in-depth interviews have been done among 30 respondents that come from 24 different agencies. The finding show that the operations of the child welfare network system in Malaysia is in conflict with the mixed economy of care approach. The Social Network Development Model was developed to respond to the empirical evidence. This model can be instrumental in developing an integrated child welfare network in Malaysia.

Keywords: Social network, welfare network, welfare services, child, mixed economy of care

Abstrak: Artikel ini memperihalkan pemetaan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dalam jagaan institusi sosial awam negara. Kajian dilakukan untuk mengeksplorasi amalan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di STB Marang, Terengganu Malaysia menggunakan reka bentuk kualitatif tradisi Penjanaan Teori untuk mendapatkan data kajian. Temu bual secara bersemuka dan mendalam telah dilakukan terhadap 30 orang responden yang terdiri daripada 24 agensi berlainan. Dapatan kajian mendapati bahawa walaupun institusi jagaan awam di Malaysia mengamalkan pendekatan penjagaan campuran, namun operasi jaringan perkhidmatan bercanggah dengan pendekatan penjagaan campuran yang diamalkan. Sebagai tindakan susulan, Model Pembangunan Jaringan Sosial telah dirangka untuk dijadikan sebagai alat yang produktif dalam membangunkan jaringan perkhidmatan kebajikan yang bersepadu untuk kanak-kanak di Malaysia.

Kata Kunci: Jaringan sosial, jaringan kebajikan, perkhidmatan kebajikan, kanak-kanak, penjagaan campuran

1. Pendahuluan

Hubungan-hubungan yang terbentuk di antara individu dengan individu-individu, institusi dan organisasi lain di sekitarnya dipanggil sebagai jaringan sosial (*social networks*). Manakala, jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak adalah ikatan atau pertalian yang wujud di antara individu-individu sama ada secara individu atau berkumpulan dengan individu-individu atau institusi-institusi sosial yang lain untuk mendapatkan pelbagai sumber; sama ada dalam bentuk sokongan sosial mahupun sumber-sumber sokongan yang lain seperti maklumat, bantuan dalam bentuk kebendaan atau fizikal, kasih sayang, penyelesaian masalah serta kesejahteraan hidup kanak-kanak (Kadushin, 2012; Belle, 1989).

Davis (2011) melihat jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak sebagai satu bentuk integrasi yang bersepadu di antara sektor-sektor sosial yang dilakukan secara berterusan untuk mengubah atau mempengaruhi perkhidmatan yang sedia ada mahupun untuk memulakan atau membina suatu perhubungan atau ikatan yang baru. Integrasi bersepadu ini dilakukan dengan memainkan peranan yang penting, menggunakan pendekatan-pendekatan tertentu untuk saling berintegrasi berdasarkan perspektif yang sesuai dengan kanak-kanak dan juga keluarga kanak-kanak berkenaan.

Manakala, Wilson dan Pirrie (2000), Llyod, Stead dan Kendick (2001) serta Christie dan Menmuir (2005) melihat integrasi bersepadu sebagai satu perkongsian berterusan di antara agensi yang menawarkan perkhidmatan kebajikan. Perkongsian perkhidmatan ini berlaku sama ada dirancang secara formal atau berlaku disebabkan oleh tindak balas terhadap idea atau suatu keputusan yang dibuat oleh mana-mana pihak. Misalnya, perkongsian perkhidmatan yang berlaku dalam perkhidmatan pendidikan yang melibatkan sekolah-sekolah, perkhidmatan kesihatan, pusat penjagaan kanak-kanak, projek-projek komuniti dan kerja sosial, pendidikan psikologi, jururawat, doktor, pekerja sosial serta sukarelawan. Kebiasaannya, pertalian ini melibatkan kanak-kanak, keluarga dan juga projek-projek yang dibangunkan daripada pelbagai disiplin (Malin & Morrow, 2007).

Cohen, Moss, Petrie dan Wallace (2004) melihat integrasi bersepadu ini sebagai kerjasama (*co-operation*); iaitu satu pendekatan yang paling asas untuk mendapatkan maklumat, kolaborasi (*collaboration*); iaitu satu proses merancang untuk berhubung, koordinasi (*co-ordination*); lebih sistematik jika dibanding dengan kerjasama kerana melibatkan perkongsian matlamat, dan penggabungan (*merger*); iaitu penyatuan atau integrasi perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang ada dengan sepenuhnya. Disebabkan itu, setiap integrasi di antara sektor-sektor sosial yang menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian memerlukan praktis profesional, perhubungan, peranan dan tanggungjawab yang jelas. Keadaan ini menjelaskan bahawa setiap perhubungan atau pertalian yang wujud memerlukan pembinaan atau pembentukan hubungan yang harmoni dan jelas; sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa serta memenuhi perbincangan, forum dan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak yang dibentuk (Davis, 2011; Stone & Rixon, 2008; Harker, Dobel-Ober, Berridge & Sinclair, 2004).

Horner (2012) berpendapat jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak sebagai satu koordinasi, kerjasama, perkongsian dan perancangan strategik di antara perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan untuk memenuhi keperluan yang diperlukan oleh kanak-kanak. Pengkaji-pengkaji seperti Foley (2008), Walker (2008), Jones dan Leverett (2008), serta Jack (2006) melihat pendekatan semasa integrasi secara bersepadu yang dilakukan atau dipraktikkan di kebanyakan negara seperti Scotland, Wales, England, Ireland Utara dan terkini diikuti dan dipraktikkan di United Kingdom. Negara-negara ini bukan sahaja membina jaringan sosial perkhidmatan kebajikan kanak-kanak untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi, tetapi apa yang menjadi keutamaan kini adalah integrasi bersepadu dilakukan sebagai satu inisiatif untuk menyatukan sektor-sektor sosial supaya pembangunan polisi perkhidmatan kebajikan yang dilakukan lebih bersifat mencegah, proaktif dan lebih melindungi.

2. Teori Jaringan Sosial (*Social Network Theory*)

Jaringan sosial merupakan teras kehidupan manusia sejak dilahirkan. Manusia dihubungkan antara satu sama lain melalui satu ikatan perhubungan dan saling bergantung di antara satu sama lain. Menurut Kadushin (2012), perkataan "*networks*" tidak boleh disamakan dengan perkataan "*networking*". Ini kerana "*Networks are interconnected relationship, durable patterns of interaction, and interpersonal threads that comprise a social fabric*" (Garbarino, 1982: 4). Konsep asas jaringan pula menerangkan jaringan adalah "*a collection of points, partially connected with each other*" (Polister, 1980: 71). Seterusnya, beberapa fahaman klasik (spt., Bott, 1957; Mitchell, 1969; Wellman, 1979) mendefinisikan jaringan sosial sebagai satu set rangkaian sambungan hubungan yang menyediakan sistem maklumat.

Jaringan kemudiannya telah dipadankan dengan konsep jaringan sosial; iaitu sebagai hubungan di antara sekumpulan individu (walau hanya dalam kalangan ahli keluarga). Melalui konsep ini, jaringan sosial dilihat sebagai struktur perhubungan yang berlaku apabila wujudnya permintaan terhadap keperluan, sokongan mahupun bantuan dalam kalangan masyarakat serta menjadi rangkaian terhadap hubungan komunikasi (Garbarino, 1982). Streeter dan Gillespie (1992) mendefinisikan jaringan sosial sebagai satu set ikatan unit-unit sosial yang dihubungkan di antara satu sama lain. Definisi yang dijelaskan oleh Streeter dan Gillespie ini menjelaskan tiga perkara yang penting; iaitu jaringan mempunyai batas dan sempadan, jaringan adalah saling berhubungan, dan jaringan boleh diaplikasikan kepada unit-unit sosial yang lebih luas.

Jaringan sosial dilihat sebagai hubungan-hubungan sosial yang melingkari kehidupan individu. Hubungan sosial ini digambarkan secara ironik sebagai sekumpulan sendi (*nodes*) dan ikatan (*ties*). Sekumpulan "sendi" ini digambarkan sebagai aktor yang mungkin terdiri daripada individu-individu atau organisasi-organisasi yang wujud di dalam sesebuah jaringan sosial. "Ikatan" pula menggambarkan hubungan yang wujud di antara individu-individu tersebut; iaitu kewujudan hubungan sosial di antara aktor-aktor dalam sesebuah perhubungan (Siti Hajar, 2006; dan Borgatti, 2002).

Perhubungan yang wujud di antara objek-objek mungkin terdiri daripada orang perseorangan, organisasi, bangsa, item-item yang terbentuk melalui persahabatan, kasih sayang, kuasa, idea dan mungkin disebabkan oleh penyakit yang dihadapi (Kadushin, 2012). Setiap gugusan norma, nilai dan jangkaan yang terbentuk melalui jaringan sosial dikongsi secara bersama di antara ahli-ahli dalam satu kumpulan sosial (Halpern, 2011). Boase, Jeffrey, John, Wellman dan Rainie (2006) juga mempunyai pendapat yang sama. Jaringan sosial melibatkan ahli dalam jumlah yang besar; iaitu melibatkan kawan-kawan, kejiranan, saudara-mara dan rakan sekerja berasaskan tempat kerja atau kediaman. Perkembangan revolusi teknologi kemudiannya mendorong pembentukan jaringan sosial yang berasaskan *internet*. Semakin bertambah bilangan individu yang saling mengenali, semakin meningkat interaksi yang berlaku melalui talian telefon dan *internet*. Adaptasi berkekal dan secara berterusan berlaku disebabkan ikatan pertalian yang berlaku secara personal sehingga menghasilkan jaringan sosial yang besar dalam kalangan masyarakat.

Struktur jaringan ahli-ahli secara individu merujuk kepada perbezaan perhubungan dalam kalangan ahli-ahli yang berbeza. Perbezaan yang wujud boleh digunakan untuk mengenal pasti peranan individu dalam jaringan sama ada sebagai bintang (*star*), *liaison*; sebagai penghubung, *bridge*; individu yang mempertemukan individu dengan individu lain, dan *gatekeeper*; sebagai pemain utama atau penjaga maklumat (Tichy & Fombrun, 1979; Paulson, 1985).

Sub-kumpulan sebagai unit analisis pula menggambarkan ciri-ciri kluster secara keseluruhan. Kebanyakan jaringan sosial mengandungi titik tumpuan apabila mengandungi banyak pertalian di antara ahli. Ukuran yang digunakan pada tahap ini menjelaskan kedua-dua ciri berstruktur sub-kumpulan dan bagaimana sub-kumpulan sesuai atau sepadan dengan jaringan secara keseluruhannya. Jumlah jaringan adalah keseluruhan struktur dan sub-kumpulan yang terbentuk atau terhasil daripada satu ikatan yang sama dalam satu ruang lingkup jaringan sosial yang sama.

Wasserman dan Faust (1994) mentakrifkan jaringan sosial sebagai satu struktur sosial yang terbentuk melalui nod. Individu mahupun organisasi dihubungkan melalui satu atau lebih perhubungan atau kesalingbergantungan. Misalnya, individu dan organisasi dihubungkan melalui kepercayaan nilai, idea, pertukaran kewangan, perdagangan, persahabatan, ikatan kekeluargaan, keberkesanan peranan sosial yang dimainkan (spt., rasa hormat, tidak suka dan sebagainya), atau tindakan seperti bercakap, keluar makan bersama-sama. Dalam bentuk yang paling ringkas, jaringan sosial adalah huraian atau gambaran semua ikatan yang terbentuk di antara nod-nod yang terlibat. Semakin meningkat ikatan yang berlaku di antara individu dalam suatu jaringan, semakin tinggi pengetahuan, pengaruh dan kuasa yang dimiliki oleh aktor-aktor utama. Apa yang lebih penting dan yang paling utama adalah kuasa untuk mengawal aktoraktor dalam jaringan.

Pendek kata, jaringan sosial merupakan struktur sosial yang wujud di antara aktor yang merupakan individu atau organisasi (Siti Hajar, 2007). Ia menerangkan cara bagaimana individu-individu dan organisasi-organisasi dihubungkan melalui pelbagai situasi sosial, sama ada menerusi hubungan atau situasi formal atau tidak formal. Jaringan sosial boleh beroperasi pada pelbagai tahap. Contohnya, pada tahap anggota keluarga yang termuda kepada yang tertua, daripada keluarga kepada komuniti dan daripada sesebuah kumpulan sosial kepada tahap negara. Jaringan sosial yang dianggotai atau dipunyai oleh individu penting kerana ia menentukan cara-cara untuk bertindak balas atau menyelesaikan sesuatu masalah yang wujud dalam kehidupan individu tersebut. Ia juga menentukan cara pengurusan sesebuah organisasi serta tahap kejayaan seseorang individu di dalam mencapai matlamat hidupnya.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif; iaitu kaedah *Grounded Theory*. Kaedah ini digunakan memandangkan kajian mengenai jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak belum pernah dilakukan di dalam negara. Penggunaan kaedah ini dilakukan dengan mengambil kira sudut pandangan setiap individu yang terlibat dalam kajian; sebagaimana yang diperkatakan oleh Charmaz (2010), "*Grounded Theory is the study of experience from the standpoint of those who live it*" (hal. 522).

Unit analisis kajian ini adalah pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan yang dilakukan oleh pihak JKM dengan sektor-sektor sosial yang terlibat dalam menyediakan dan menyampaikan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak. Unit analisis ini dikaji ke atas populasi kajian; iaitu institusi penjagaan awam. Kajian ini hanya memilih perkhidmatan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak sebagai wakil sampel untuk kajian. Di Malaysia, kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah yang memerlukan perkhidmatan perlindungan dan pemulihan di tempatkan di Taman Seri Puteri (TSP), Sekolah Tunas Bakti (STB) dan juga di Asrama Akhlak (AA). Untuk kajian ini, pengkaji hanya memilih STB Marang yang menempatkan kanak-kanak perempuan sebagai perwakilan kajian kerana kanak-kanak perempuan mempunyai satu keperluan unik; iaitu keperluan reproduktif.

Pemilihan institusi yang menyediakan perkhidmatan pemulihan; iaitu STB Marang dilakukan secara sengaja (*purposive sampling*) oleh pengkaji. Namun begitu, sebelum pengumpulan data dilakukan, pengkaji menggunakan pensampelan teori atau konsep (*theory or concept sampling*) bagi memastikan teknik pensampelan yang digunakan sesuai atau relevan dengan konsep dan teori yang digunakan bagi menjelaskan fenomena sosial yang dikaji sebagaimana yang dijelaskan oleh Creswell (2007; 1998). Pada masa yang sama, teknik persampelan bola salji (*snowball sampling*) digunakan memandangkan kajian mengenai jaringan kebajikan kanak-kanak belum pernah dilakukan di Malaysia dan pengkaji juga tidak mengenali organisasi, agensi dan individu-individu yang terlibat dalam pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di sana.

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual secara perseorangan (*one-to-one*) atau bersemuka (*face to face*) dengan melakukan temu bual secara semi-struktur berpandukan soalan terbuka (*open-ended questionnaires*) yang dibina melalui protokol temu bual. Proses mengumpul data dan proses analisis data bagi kajian ini berjalan dengan

serentak sebagaimana diperkatakan oleh Gibbs (2004). Terdapat enam peringkat memproses dan menganalisis data; iaitu melakukan transkripsi, pelaziman, koding, tema, demonstrasi kebolehppercayaan dan kesahan data, serta laporan. Proses dan analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian NVivo9. Analisis data dilakukan dengan menggunakan tema-tema dan sub-tema yang telah ditentukan oleh pengkaji berdasarkan sorotan literatur dan kerangka konseptual yang dibentuk melalui *koding* dan *annotation* berasaskan *nodes* yang telah dilakukan.

4. Hasil dan Perbincangan

Kajian ini mendapati penyediaan dan penyampaian perkhidmatan sosial di STB Marang dilakukan menerusi sistem pasaran kuasi. Syarikat-syarikat persendirian yang terlibat dalam penyediaan keperluan makanan dan minuman di STB Marang terdiri daripada Syarikat Cahaya Piramid (M) Sdn Bhd, Syarikat Roti Sukaramai, Perniagaan Haji Manaf, Pejabat Peladang Kawasan Manir/ Belara dan Syarikat Mohd bin Abdullah. Urusan pasaran kuasi ini pula dilakukan melalui Kontrak Pusat Sistem Panel, pembelian terus dan baucar bagi memenuhi hak kehidupan para pelatih di STB Marang. Menurut informan yang ditemu bual:

“...Ayam dan telur dengan kontrak panel dengan PPK. Kalau beras tu Cahaya Piramid. Kita beli kontrak. Macam pusat juga. Beras tu boleh tahan 3 bulan kalau kita beli 40 guni. Tahan 3 bulan. En.Azizul ni, Cahaya Piramid ni... Roti pun syarikat panel juga...roti...Syarikat Roti Sukaramai. Yang tu kontrak panel. Salah satu contoh yang kita ambil ni. Cuma sekarang ni kontrak panel macam Adabi kalau tak silap saya, dia ada kat KL, macam kicap tu kalau kita order banyak tu macam membazir pula. Kalau nak, order sikit saja, sebab kita guna sikit kan. Tapi sekarang, kita semua ada ration. Macam ration dengan Haji Manaf. Bila buat sebut harga tu, kita masuk sikit-sikit. Sebabnya kita ada kelas bakeri kan. Kalau tidak, nak guna baru cari. Kalau ada ration tu ok dia hantar. Sekadar kuantiti yang kita nak saja. Air mineral masuk sekali dengan Haji Manaf. Kalau air berperisa macam air kordial tu dengan ration juga melalui Hj Manaf...”

“...Untuk harta modal dan aset, kita kena buat tiga sebut harga, kalau macam ada peruntukan kita kena cari tiga sebut harga yang ada lesen Kementerian Kewangan yang berdaftar dengan ROC.. Yang ni memang kontrak panel... Baju tu ikut kita nak beli dengan siapa. Tapi orang tu mesti ada lesen CIDB dan tak tamat tempoh lagi. Tapi mesti melalui tiga sebut harga...”

(Sumber: Informan Utama (1), STB Marang)

Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 2008, Kontrak Pusat Sistem Panel ialah perjanjian atau kontrak formal yang dilakukan antara dua pihak atau lebih; iaitu di antara Kementerian Kewangan Malaysia dengan syarikat-syarikat yang telah dilantik sebagai Syarikat Kontrak Pusat Sistem Panel oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pembelian terus pula merupakan satu kaedah perolehan yang digunakan untuk mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan pada harga terendah secara pasaran melalui perbandingan tiga sebut harga. Baucar pula adalah dokumen yang menunjukkan bahawa wang telah dibayar bagi barang-barang; atau kepingan kertas kecil yang melayakkan pemilikinya mendapat potongan harga atau boleh ditukar dengan barangan lain. Ia merupakan surat bukti penerimaan atau pembayaran. Namun begitu, di STB Marang, penggunaan baucer dilakukan oleh pihak institusi untuk membayar wang saku para pelatih sahaja. Menurut informan yang ditemu bual:

“...Baucar dihantar kepada Jabatan Akauntan Negara Negeri Terengganu. Sekarang ni saya sediakan baucar. Kemudian saya serahkan baucar tu kepada Ketua Kerani untuk disahkan. Kemudian saya serahkan kepada pengetua untuk meluluskan baucar tu. Apabila pengetua dah luluskan baucar tu, saya akan masukkan ke dalam gateway akauntan negara. Tapi, di jabatan akauntan negara, siapa yang meluluskan tu saya tak pasti. Ok, kalau di sana dah luluskan baucar yang saya hantar tadi, mereka akan luluskan dalam dua cara; iaitu sama ada pembayaran secara cek ataupun pembayaran secara Electronic Fund Transfer (EFT). Kalau secara cek, mereka akan keluarkan cek kepada kita. Tapi, kalau secara EFT, mereka akan keluarkan nombor EFT dan pembayaran akan dilakukan ke dalam akaun bank terus. Kebiasaannya, kalau untuk wang saku ni saya akan minta mereka keluarkan cek. Apabila mereka dah janakan cek, saya akan pergi ambil di sana... Kita sediakan baucar kepada Jabatan Akauntan Negara. Kita kira ikut bulanan. Setiap bulan saya akan buat satu baucar...”

(Sumber: Informan Utama (3), STB Marang)

Ketiga-tiga sistem berkenaan dilaksanakan berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP). Di Malaysia, AP merupakan peraturan kewangan dan perakaunan utama dalam pengurusan kewangan kerajaan. Ia mengandungi arahan-arahan mengenai pengurusan belanjawan, hasil, perbelanjaan, perolehan dan aset awam. AP yang diguna pakai setakat ini adalah AP yang dikeluarkan pada tahun 1997. Namun begitu, pada 31 Julai 2008 AP telah dipinda oleh Perbendaharaan Malaysia dengan tujuan untuk:

- i. Meningkatkan pengurusan kewangan agensi-agensi kerajaan dengan memberi lebih fleksibiliti kepada Pegawai Pengawal atau Pegawai Yang Diberi Kuasa untuk membuat keputusan; dan
- ii. Memperkemas dan memantapkan peraturan dalam Arahan Perbendaharaan supaya ianya sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa dengan mengambil kira pindaan AP melalui Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling semenjak tahun 1998 dan pengubahsuaian dalam sistem perakaunan selaras dengan pelaksanaan Kerajaan Elektronik.

Bahagian (ii) Perolehan dan Kontrak Arahan Perbendaharaan, (AP) 178 mengandungi pernyataan mengenai barang-barang guna sama. Barang-barang guna sama adalah barang-barang yang diguna secara umum di setiap pusat tanggungjawab (PTj) yang biasanya dibeli secara Kontrak Pusat Perbendaharaan. AP 178.1(a) menyatakan bahawa perbendaharaan menguruskan Kontrak Pusat bagi barangan guna sama. Arahan dikeluarkan melalui Pekeliling Kontrak Perbendaharaan. Oleh itu, setiap Kementerian atau Jabatan hendaklah menggunakan Kontrak Pusat ini dan tidak boleh membeli barangan guna sama daripada pembekal lain. Manakala, AP 178.1(b) pula menyatakan perbendaharaan juga menetapkan barangan dan perkhidmatan tertentu yang perlu diperolehi melalui Kontrak Pusat Sistem Panel. Justeru, Kementerian atau Jabatan hendaklah membuat perolehan tersebut daripada panel pembekal atau kontraktor yang telah dilantik oleh Perbendaharaan (Arahan Perbendaharaan, 2008).

Ini bermakna, barang-barang yang disenaraikan sebagai barang guna sama perlu diperolehi melalui syarikat-syarikat yang telah disenaraikan di dalam Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) dan juga melalui laman web www.treasury.gov.my. Syarikat-syarikat yang disenarai sebagai Syarikat Kontrak Sistem Panel adalah syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Tempoh kontrak bagi syarikat yang disenaraikan adalah selama setahun bermula 1 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun. Antara item-item makanan di STB Marang yang disenaraikan di bawah Kontrak Pusat Sistem Panel adalah katil besi setingkat dan dua tingkat, roti putih, roti mill penuh (*wholemeal*), ban dan kek, beras, bihun, seri kaya, jem, sos cili, sos tomato, kicap, kordial buah dan berperisa, teh, kopi, serbuk rempah kari atau kurma dan ayam. Namun begitu, terdapat juga pengecualian khusus bagi item-item yang disenaraikan oleh PKP. Antara item yang diberi pengecualian khusus adalah seperti beras, telur ayam, roti putih, roti mill penuh (*wholemeal*), ban dan kek. Bagi item beras, STB Marang dibenarkan membuat pembelian terus dengan mana-mana pembekal bumiputera atau bukan bumiputera atau kedai runcit di kawasan atau daerah yang berkenaan tertakluk kepada had nilai perolehan sebanyak RM 1,000 setahun. Bagi item telur ayam pula, STB Marang dibenarkan membuat pembelian terus dengan mana-mana pembekal bumiputera atau bukan bumiputera atau kedai runcit di kawasan atau daerah yang berkenaan tertakluk kepada had nilai perolehan sebanyak RM 500 setahun. Manakala, bagi item roti putih, roti mill penuh (*wholemeal*), ban dan kek pula, STB Marang dibenarkan untuk membuat pembelian terus item ini dengan mana-mana pembekal bumiputera atau bukan bumiputera atau kedai runcit di kawasan atau daerah yang berkenaan tertakluk kepada had nilai perolehan sebanyak RM 700 setahun.


Selain daripada item-item yang disenaraikan, pembelian secara terus terhadap barang-barang keperluan kanak-kanak seperti makanan dan minuman, barang-barang keperluan harian, keperluan-keperluan lain, pakaian dan insurans boleh dilakukan dengan mana-mana syarikat. Namun begitu, sebelum pembelian dilakukan, pihak institusi perlu mendapatkan sekurang-kurangnya tiga sebut harga terlebih dahulu. Kemudian, pemilihan dan keputusan untuk pembelian dilakukan dengan mengambil kira syarikat yang menawarkan harga yang paling rendah dan memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Oleh itu, pembelian setiap item Kontrak Pusat Sistem Panel diuruskan sendiri oleh pihak institusi sama ada secara pembelian terus, sebut harga ataupun rundingan terus dalam kalangan syarikat yang telah disenaraikan sahaja. Tatacara perolehan ini telah ditetapkan oleh perbendaharaan negara dan perlu dipatuhi oleh STB Marang dan juga institusi-institusi kerajaan yang lain.

5. Kesimpulan

Ketiga-tiga sistem yang diguna pakai membuktikan bahawa STB Marang telah menggunakan pasaran kuasi dalam penyediaan dan penyampaian perkhidmatan sosial kepada kanak-kanak yang ditempatkan di bawah jagaan institusi ini. Pelaksanaan ini bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti pihak institusi, malahan yang lebih penting adalah meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak di STB Marang. Berkait rapat dengan pendekatan *mixed economy of care* yang diamalkan, kajian ini juga mendapati terdapat pelbagai agensi sosial yang terlibat dalam jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di STB Marang. Jaringan yang terbentuk dalam perkhidmatan kebajikan kanak-kanak adalah berdasarkan kepada keperluan kanak-kanak dalam memenuhi hak kehidupan mereka.

Namun begitu, amalan pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan yang diamalkan bagi memenuhi keperluan kanak-kanak dalam jagaan institusi; khususnya di STB Marang dilihat masih terlalu muda dan belum mencapai tahap matang (*maturity-free*). Ini kerana, kajian yang dilakukan mendapati bahawa pembentukan jaringan sosial yang dilakukan masih terhad ekoran terdapat beberapa asas yang terdapat di dalam Teori Jaringan Sosial tidak terkandung di dalam amalan atau praktis sebenar jaringan sosial yang dibentuk oleh STB Marang. Teori Jaringan Sosial menerangkan lima komponen utama; iaitu pihak yang terlibat, jenis jaringan sosial, corak jaringan sosial, bentuk jaringan sosial dan agihan jaringan sosial. Namun begitu, hasil yang diperolehi menunjukkan jaringan yang dibentuk oleh STB Marang adalah jaringan sosial secara formal sahaja walaupun institusi didapati mengamalkan pendekatan *mixed economy of care*. Tiada pembentukan jaringan dilakukan dengan sektor tidak formal. Ketiadaan jaringan sosial dengan sektor tidak formal menyebabkan jaringan secara bersepadu tidak dapat dicapai.

Rentetan daripada hasil kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa praktis jaringan sosial perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di STB Marang adalah tidak membangun, ataupun boleh dikatakan sebagai terbantut (*distorted*). Justeru, pengkaji mencadangkan Model Pembangunan Jaringan Sosial seperti yang digambarkan dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1 - Model Pembangunan Jaringan Sosial

Seperti yang digambarkan di dalam Rajah 1 di atas, kanak-kanak menjalani kehidupan mereka di dalam institusi jagaan awam; iaitu STB Marang. Persekitaran kehidupan mereka adalah di dalam persekitaran mikrosistem. Justeru, untuk memenuhi hak kehidupan kanak-kanak yang ditempatkan di STB Marang, pihak institusi telah melaksanakan pendekatan *mixed economy of care* melalui pasaran kuasi. Pelaksanaan pendekatan ini dilakukan bagi mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan. Justeru, bagi mengurangkan serta menghapuskan bebanan yang ditanggung itu, pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak harus dipergiatkan dengan melibatkan pelbagai sektor yang terdapat dalam persekitaran mikrosistem mereka. Di samping dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung, pembentukan jaringan kebajikan di lingkaran mikrosistem kanak-kanak sangat penting untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kebajikan kanak-kanak.

Pembangunan pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan merupakan preskriptif atau "ubat" yang sangat mujarab untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul bagi memenuhi segala hak kehidupan kanak-kanak yang berada di dalam jagaan institusi negara. Justeru, berdasarkan Model Pembangunan Jaringan Sosial yang dibangunkan, perkara utama yang harus dilakukan oleh pihak institusi adalah mengenal pasti segala keperluan kanak-kanak. Perkara ini sangat penting untuk dilakukan bagi mengelakkan berlakunya defisit keperluan ke atas kanak-kanak yang berada dalam jagaan negara. Setelah melakukan penilaian keperluan, pengkaji mencadangkan agar pihak institusi turut melakukan analisis SWOT untuk melihat kekuatan, kelemahan, peluang dan juga ancaman yang terkandung dalam sesebuah sistem pengurusan. Bagi kajian ini, analisis SWOT digunakan dan diaplikasikan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada amalan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dan boleh digunakan untuk meningkatkan pembangunan pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak. Ini kerana, menurut Schermerhorn (2012), analisis SWOT merupakan satu teknik yang sangat berpengaruh (*powerful*) untuk memahami dan mengeksplorasi cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi dalam sesebuah organisasi dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks sosial.

Merujuk kpd Rajah 1, kekuatan (S) dan kelemahan (W) yang dianalisis dan disenaraikan; dilabelkan dengan huruf "S" dan "W" untuk melihat dan meneliti secara mendalam kekuatan dan kelemahan dalaman yang dimiliki oleh sesebuah organisasi atau agensi sosial. Manakala, dari sudut luaran pula, peluang (O) dan ancaman (T) dilabelkan dengan huruf "O" dan "T". Analisis dalaman dan luaran mengenai keperluan kanak-kanak adalah sangat penting bagi sesebuah organisasi atau agensi sosial; khususnya STB Marang untuk menilai kekuatan, kelemahan, peluang dan juga ancaman yang dimiliki dan mempengaruhi kelancaran tadbir urus sesebuah organisasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan kebajikan kanak-kanak. Setelah meneliti hasil penilaian keperluan yang diperolehi, kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang diperolehi melalui analisis SWOT, hasil-hasil yang diperolehi itu dapat digunakan untuk membangunkan pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan yang lebih komprehensif secara bersepadu pada setiap peringkat sistem pengurusan. Dengan cara ini, pengagihan dan penyampaian sistem kebajikan kanak-kanak di STB Marang dapat dilakukan dengan lebih efektif.

Di STB Marang, pihak institusi telah melaksanakan pendekatan *mixed economy of care* demi menjaga kebajikan hidup kanak-kanak supaya lebih terjamin. Pendekatan ini merupakan satu perkongsian tanggungjawab di antara setiap agensi dan sektor sosial dalam penyampaian perkhidmatan kebajikan kanak-kanak di STB Marang; iaitu melalui sistem pasaran kuasi (*quasi-market*) atau penswastaan. Menurut Spicker (2008), pasaran kuasi merupakan satu sistem yang dibangunkan mengikut cara yang diguna pakai oleh sektor swasta dalam penyampaian perkhidmatan awam. Pelaksanaan *mixed economy of care* dalam penyampaian perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dilakukan melalui sistem penswastaan. Namun begitu, dari segi amalannya, pendekatan *mixed economy of care* yang dipraktikkan di Malaysia adalah sangat berbeza. Pengkaji berpendapat, amalan *mixed economy of care* yang dipraktikkan di negara kita adalah sangat berbeza dengan amalan jaringan perkhidmatan kebajikan yang dipraktikkan di luar negara. Kenyataan ini disokong oleh Siti Hajar (2011) di mana menurut beliau, amalan jaringan sosial dalam penyampaian perkhidmatan kebajikan negara adalah sangat berbeza dengan amalan di luar negara. Menurut beliau lagi, pelaksanaan pendekatan *mixed economy of care* yang dipraktikkan di dalam negara sepatutnya dapat membantu mengatasi masalah ketidakcukupan sumber yang berlaku. Sayangnya, dari segi praktis, pengkaji melihat amalan ini masih terbantut dan tidak menyeluruh.

Justeru, untuk menggalakkan pelaksanaan *mixed economy of care* di Malaysia sebagaimana yang dipraktikkan di luar negara yang turut melibatkan ahli keluarga dan juga komuniti setempat, kanak-kanak juga perlu dilibatkan sama dalam sistem pengurusan dan pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan supaya semangat kepenggunaan dapat dipupuk dalam diri mereka. Memandangkan suara kanak-kanak merupakan “suara keramat” demi kelangsungan dan kesejahteraan hidup mereka, Perkara 13 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang menekankan tentang kebebasan bersuara oleh kanak-kanak harus diguna pakai di negara ini seiring dengan negara-negara lain. Contohnya, di United Kingdom, kerajaan United Kingdom amat mementingkan pandangan dan kehendak kanak-kanak dalam membuat sesuatu keputusan berkait dengan kebajikan kanak-kanak. Ratifikasi ke atas kebebasan bersuara ini memainkan peranan yang sangat penting agar segala keperluan kanak-kanak dapat dipenuhi dan pembangunan pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dapat dilakukan tanpa sebarang halangan atau cacat cela. Dengan adanya “suara keramat” kanak-kanak; iaitu pandangan kanak-kanak mengenai apa yang mereka perlu dan mahukan, kanak-kanak dapat menjadi pengguna perkhidmatan yang aktif dan secara tidak langsung “suara kecil” itu dapat diheret untuk membentuk jaringan secara eksklusif bersama dengan sektor tidak formal; iaitu ibu bapa dan seluruh ahli keluarga mereka yang lain.

Penghargaan

Penulis ingin memberi penghargaan kepada Pusat Pengajian Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Terengganu dan Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rujukan

- Belle, D. (1989). Studying Children's Social Networks and Social Supports. In D. Belle (Ed.), *Children's Social Networks and Social Supports* (pp. 1-12). New York: John Wiley & Sons
- Boase, Jeffrey, Horrigan, J. B., Wellman, B., & Rainie, L. (2006). *The Strength of Internet Ties*. Washington: Pew Internet and American Life Project
- Borgatti, S. (2002). *Basic Social Network Concepts*. www.analytictech.com/aomnetwork
- Bott, E. (1957). *Family and Social Network*. London: Tavistock
- Charmaz, K. (2010). *Constructing Grounded Theory: A Practical Guide Through Qualitative Analysis*. Los Angeles: SAGE Publications Ltd
- Christie, D., & Menmuir, J. G. (2005). A Common Standards Framework as a Catalyst for Inter-professional Collaboration in Teaching and the Caring Professions. *Policy Futures in Education*, 3(1): 62-74
- Cohen, B., Moss, P., Petrie, P., & Wallace, J. (2004). *A New Deal for Children? Re-Forming Education and Care in England, Scotland and Sweden*. Bristol: Policy Press
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks: SAGE Publications
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks: SAGE Publications Inc
- Davis, J. M. (2011). *Integrated Children's Services*. Los Angeles: SAGE Publications Ltd

- Foley, P. (2008). Skilled Work with Children. In P. Foley dan A. Rixon (Eds), *Changing Children's Services: Working and Learning Together*. Bristol: Policy Press
- Garbarino, J. (1982). *Children and Families in the Social Environment*. New York: Aldine
- Gibbs, G. R. (2004). *Qualitative Data Analysis: Explorations with NVivo*. United Kingdom: Open University Press
- Halpern, D. (2011). *Social Capital*. Cambridge: Polity Press
- Harker, R. M., Dobel-Ober, D., Berridge, D., & Sinclair, R. (2004). More than the Sum of its Parts? Inter-professional Working in the Education of Looked After Children. *Children & Society*, 18(3): 179-193
- Horner, N. (2012). *What is Social Work: Context and Perspective*. Los Angeles: SAGE Publications
- Jack, G. (2006). The Area and Community Components of Children's Well-being. *Children and Society*, 20(5): 334-347
- Jones, C., & Leverett, S. (2008). Policy into Practice: Assessment, Evaluation and Multi-Agency Working with Children. In P. Foley dan A. Rixon (Eds), *Changing Children's Services: Working and Learning Together*. Bristol: Policy Press
- Kadushin, C. (2012). *Understanding social networks: Theories, concepts, and findings*. New York: Oxford University Press
- Llyod, G., Stead, J., & Kendrick, A. (2001). *Hang on in there: A Study of Inter-Agency Work to Prevent School Exclusion in Three Local Authorities*. London: National Children's Bureau
- Malin, N., & Morrow, G. (2007). Models of Interprofessional Working within a Sure Start "Trailblazer" programme. *Journal of Interprofessional Care*, 21(4), 445-457
- Mitchell, J. C. (1969). The Concept and Use of Social Networks. In J. C. Mitchell (eds.), *Social Networks in Urban Situations*. Manchester: University of Manchester Press
- Paulson, S. K. (1985). A Paradigm for the Analysis of Interorganizational Networks. *Journal of Social Networks*, 7(2), 105-126
- Polister, P. E. (1980). Network Analysis and the Logic of Social Support. In R. H. Price & P. E. Polister (Eds.), *Evaluation and Action in the Social Environment*. New York: Academic Press
- Schermerhorn, J. R. (2012). *Introduction to Management* (12th ed.). New Jersey: John Wiley & Sons Inc
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2006). *Kebajikan Sosial: Aplikasi Dalam Perkhidmatan Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2007). *Strategi Kebajikan dan Dasar Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2011). *Kebajikan Sosial: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Spicker, P. (2008). *Social Policy: Themes and Approaches* (2nd ed.). Bristol: The Policy Press
- Stone, B., & Rixon, A. (2008). Towards Integrated Working. In P. Foley & A. Rixon (Eds.), *Changing Children's Services: Working and Learning Together*. Bristol: Policy Press
- Streeter, C. L., & Gillespie, D. F. (1992). Social Network Analysis. *Journal of Social Service Research*, 16(1/2), 201-222
- Tichy, N. M., & Fombrun, C. (1979). Network Analysis in Organizational Settings. *Human Relations*, 32, 923-965
- Walker, G. (2008). *Working Together for Children: A Critical Introduction to Multi-Agency Working*. London: Continuum
- Wasserman, S. & Faust, K. (1994). *Social Network Analysis: Methods and Applications*. Cambridge: University Press
- Wellman, B. (1979). The Community Question: The Intimate Networks of East Yorkers. *American Journal of Sociology*, 84(5), 1201-1231
- Wilson, V., & Pirrie, A. (2000). *Multi-Disciplinary Team Working: Indicators of Good Practice*. Edinburgh: SCRE